

'Pernah **ditipu** sebelum bangkit'



Muhammad Faez (kanan) dan Nor Muhammad Arif menunjukkan rekaan yang pernah dibuat syarikat mereka.

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Serdang

"Saya juga tidak terlepas menghadapi dugaan kegagalan, kerugian, bahkan pernah ditipu belasan ribuan ringgit tetapi saya menjadikan

semua itu pengalaman berharga dan boleh digunakan sebagai ilmu untuk terus menerokai perniagaan pada masa depan."

Berbekalkan semangat cekal itu dan minat mendalam terhadap bidang perniagaan, Nor Muhammad Arif Aman Nor, 23 kini berbangga apabila mampu mengecapi kejayaan menerusi syarikat Efay Maju Resources yang menawarkan perkhidmatan

rekaan dalaman.

"Selepas mengalami kerugian dalam perniagaan pemasaran berbilang peringkat (MLM) dan beberapa perniagaan lain sebelum ini, saya berusaha bangkit daripada pengalaman pahit itu.

"Berkat sokongan rakan, Muhammad Faez Fauzi, kami bersama-sama mengusahakan syarikat ini sehingga mampu meraih tempat dalam

kalangan industri dengan projek terbaharu mereka set pentas penyiaran program popular iaitu Kilauan Emas dan Pencetus Ummah," katanya.

Nor Muhammad Arif yang juga pelajar Bachelor Reka Bentuk Perindustrian Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata syarikatnya menerusi produk Guadesigner, menyediakan khidmat nasihat konsep atau idea rekaan,



“

DENGAN KEKUATAN LAPAN PEKERJA, KAMI MELAKSANAKAN TUGAS MENGIKUT KEMAHIRAN MASING-MASING, TERMASUK MENGATUR STRATEGI PEMASARAN DAN KONSEP REKAAN TERBAIK”

Nor Muhammad Arif Aman Nor,
Pelajar UPM

cetakan baju kartun atau potret, set pentas penyiaran, rekaan dalaman, grafik, animasi, prototaip tiga dimensi serta rekaan perabot.

Atur strategi

Katanya, perniagaan yang bermula sejak dua tahun lalu itu bermula dengan melaksanakan projek rekaan dalaman sebuah banglo di Batu Pahat, Johor dan keparahan mereka semakin menarik perhatian pelbagai pihak dengan konsep rekaan dalaman ditawarkan.

"Dengan kekuatan lapan pekerja, kami melaksanakan tugas mengikut kemahiran masing-masing, termasuk mengatur strategi pemasaran dan konsep rekaan terbaik.

"Sebelum memulakan sesuatu projek, perbincangan secara profesional dibuat dengan pelanggan bagi menentukan konsep rekaan, bajet, membuat pengukuran dan sebut harga," katanya.

Beliau yakin dengan pengalaman luas pekerja dan tawaran harga berpatuttan membolehkan syarikatnya terus kukuh dan bersaing dengan syarikat lain dalam industri rekaan dalaman.